



**MENARIK DALAM ISU INI:**

Kemeriahan Program Jom Membaca ▪ Team Building Tingkatkan Kepimpinan ▪ Program CSR SKPK Princess Elizabeth ▪ Buku Sumbangan HPT Pagoh ▪ Capaian eTheses di DMS ▪ Pameran Evolusi Teknologi Perpustakaan UTM

# UTMKL: The All-New Revamped 24 Hour Study



Welcome to the all-new revamped 24 hour study room cum café at Perpustakaan Sultanah Zanariah Kuala Lumpur. The Library has taken the initiative to refurbish the study room in order to provide a conducive and tranquil environment to meet the learning and research needs of the users.

## Tabung Endowmen Buku Perpustakaan UTM

*“Menjunjung ilmu menabur budi”*

Maklumat lanjut, layari

<http://library.utm.my/endowment>



Penyampaian replika cek kepada tabung endowment UTM oleh Ketua Pustakawan, Perpustakaan UTM, Puan Noraziah Sharuddin

# FOLY SEMARAK JOM MEMBACA 10 MINIT

Bersempena dengan sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia, Perpustakaan UTM telah menganjurkan Program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit pada 24 April 2018 bermula jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi di Ruang Lestari, Aras 3, Perpustakaan Sultanah Zanariah.

Sebagai tanda sokongan kepada aktiviti tersebut, Ketua Pustakawan, Puan Noraziah Sharuddin turut serta dengan memberikan kupasan buku yang bertajuk *Winners Never Cheat* dan diikuti oleh wakil daripada ahli *Friends of Library* (Foly) iaitu Amirah Mahirah Razali, pelajar tahun akhir Fakulti Komputeran.

Program ini juga diadakan serentak di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah dan Perpustakaan UTM Kuala Lumpur. Tanda sokongan daripada semua warga UTM diterima apabila mereka turut berkongsi gambar aktiviti jom membaca di Fakulti/Jabatan masing-masing.



## Sidang Penerbitan

**Penaung:** Noraziah Sharuddin  
**Ketua Editor:** Zaleha Atan  
**Editor:** Liza Porijo

### Sidang Editor:

Norashikin Johari, Zafarina Dol, Sh. Ezathul Imma Syed Zainal Abidin,  
Nurrull Huda Abdul Wahid, Sharifah Radhiah Syed Azman,  
Noor Ayesha Mohd Ezanee, Khairun Nadzrah Khalid, Nabilah Jamil,  
Muzaimah Yunus

### Pembaca Pruf:

Nazrinda A. Samah & Siti Nisrin Mohd Anis

### Pembantu Penerbitan dan Edaran:

Sapiah Abd Rahiman & Faizal Fadzil

### Jurufoto:

Wan Jamal Mohd Ariff & Farhan Yuskelana

Buletin Perpustakaan diterbitkan empat keluaran setahun oleh  
Perpustakaan UTM

Cadangan atau pandangan, majukan kepada [liza@utm.my](mailto:liza@utm.my)

Hakcipta terpelihara@2018

## Tinta Editor

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh & Salam Sejahtera

Pembaca yang dihormati,

Keluaran kali ini merakamkan sejarah serta usaha warga Perpustakaan UTM dengan perancangan Tabung Endowmen Buku Perpustakaan UTM pada Perhimpunan Bulanan Naib Canselor, 3 April 2018.

Sumbangan ini akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk kegunaan perolehan buku dan ebook, pembangunan sumber rujukan bagi kursus baru serta keperluan yang berkaitan dengan penyelenggaraan buku seperti strip sekuriti, barkod, RFID dan lain – lain.



## KENAIKAN PANGKAT & PERTUKARAN STAF



Pn. Kamariah  
Mohamed Jong

Timbalan Ketua  
Pustakawan  
Perpustakaan Raja Zarith  
Sofiah (PRZS)



En. Md Razib Karno

Ketua Bahagian  
Automasi



Pn. KhairulBahiyah  
Yaakub

Ketua Bahagian  
Perkhidmatan Maklumat  
& Penyelidikan



Pn. Haslina Nasir

Ketua Bahagian Pem-  
bangunan  
Sumber dan Katalog



Cik Salina Shamsuri

Pustakawan  
Kanan  
Hadiah &  
Pertukaran /  
Katalog



Pn Liza Porijo

Pustakawan  
Kanan  
Promosi &  
Alumni



Cik Nazrinda A. Samah

Pustakawan Kanan  
Perkhidmatan  
Maklumat &  
Sokongan  
Penyelidikan



Cik Hamizah Sumin

Pustakawan Kanan  
Reading Station,  
Pemuliharaan &  
Pemeliharaan dan  
Perpustakaan Fakulti



Pn Zalinda Shuratman  
Pembantu  
Pustakawan Kanan  
Fakulti Alam Bina



Pn Sapiah Abd Rahiman  
Pembantu Tadbir  
(Perkeranian/Operasi)  
Unit Pengurusan  
Maklumat



Pn. Faridah Patoni  
Pembantu Tadbir  
(Perkeranian/  
Operasi)  
Unit Perolehan



Pn. Nur Atiqah Aris  
Pembantu  
Pustakawan  
Unit Penyelidikan  
Galerium



En. Iskandar Dzulkarnain Dawi  
Pembantu Operasi  
Bahagian Automasi



En. Mohammad Firdaus Kusnin  
Pembantu Operasi  
Bahagian Galerium

## TEAM BUILDING PERTINGKAT MOTIVASI DIRI PUSTAKAWAN



Satu Program *Teambuilding* Pustakawan Perpustakaan UTM telah dijalankan pada 3 Mei 2018 (Khamis) jam 7.45 pagi di Hutan Rekreasi UTM. Program ini adalah wajib dan dihadiri oleh Pustakawan dari HPT Pagoh dan PSZKL.

Program ini mensasarkan pembentukan seorang Pustakawan yang cemerlang dari sudut pembangunan jati diri, kerjaya, mantap rohani dan jasmani sejajar dengan tuntutan ilahi serta organisasi. Sekaligus, ia memupuk semangat berpasukan yang tinggi dan jalinan ukhwah yang erat di antara satu sama lain.

Aturcara program disusun atur oleh pihak Seksyen Pembangunan, Bahagian Sumber Manusia yang dimulakan dengan senaman ringan dan di ikuti dengan aktiviti secara berkumpulan. Program tamat pada jam 2.30 petang dan diakhiri dengan penyampaian sijil dan hadiah.



Welcome to UTM Library  
Document Management System  
DMS




Log on to <http://library.utm.my> ->  
E-RESOURCES -> UTM Thesis &  
Exam Papers  
login using your ACID credential.

Are you looking for UTM full-text publications? Visit our UTM Library's **Document Management System (DMS)** as DMS stored more than 100,000 titles of UTM theses, examination papers, indexed papers, conference papers, project papers, and journal articles.

DMS offers more than 100 000 titles consist of Thesis, Examination Paper, Indexed Paper, Conference Paper, Project Paper, Journal Article and much more

## RESEARCH SUPPORT @ UTM LIBRARY



Universiti Teknologi Malaysia  
Institutional Repository

Are you searching for an open access **UTM publication**?

Visit **UTM-IR** at <http://eprints.utm.my/id/eprint/>

If you are searching for UTM open access publications, UTM institutional Repository is the digital warehouse of the University's intellectual or research output.

- [Article](#) (18079)
- [Book Section](#) (2650)
- [Monograph](#) (779)
- [Conference or Workshop Item](#) (8073)
- [Book](#) (608)
- [Thesis](#) (14240)
- [Patent](#) (1)
- [Image](#) (16)
- [Video](#) (2)
- [Audio](#) (1)
- [Teaching Resource](#) (671)
- [Other](#) (9)

More than 42,000 titles of UTM articles, book sections, conference papers, books, and theses are available for reference. Log on to <http://eprints.utm.my/id/eprint/>. Pleasant viewing!

# KAMI PRIHATIN KESELAMATAN PENGGUNA

Kemalangan tidak berbau, oleh itu sebagai langkah persediaan satu taklimat keselamatan telah diberikan kepada pustakawan dan pembantu pustakawan yang bertugas sebelum dan selepas perayaan. Taklimat disampaikan oleh Puan Zafarina binti Dol, Ketua Bahagian Pentadbiran & Korporat telah diadakan pada 12 Jun 2018 di Bilik Tayangan, Perpustakaan UTM.

Objektif utama taklimat ini adalah:

- Meningkatkan tahap kesedaran terhadap aspek keselamatan & kesihatan pekerjaan di tempat kerja.
- Meningkatkan kefahaman mengenai tatacara dalam menghadapi isu keselamatan, kesihatan dan kecemasan.



## PROJEK CAKNA DIDIK UPSR BAGI TAHUN 2018

Pihak Akademi Bahasa telah bekerjasama dengan Perpustakaan UTMKL bagi menjayakan Projek Cakna Didik UPSR 2018 yang bertujuan untuk menangani perasaan fobia untuk bertutur Bahasa Inggeris di kalangan murid sekolah rendah.

Perpustakaan UTMKL telah membangunkan UTM READ Corner yang ditempatkan di Bilik Gerakan KRT Setapak Jaya sebagai usaha menyokong program berkenaan.

Program ini telah dirasmikan oleh Tan Sri Dr Zulhasnan Rafique dan turut dihadiri oleh Pengarah Kampus UTMKL Prof Dr Shamsul Shahibuddin pada 14 April 2018.



## PUSTAKAWAN MENDEKATI MAHASISWA BAHARU UTM

Puan Nik Masriza Zakaria (Timbalan Ketua Pustakawan Kuala Lumpur) dan Puan Nurrull Huda Abdul Wahid telah menyampaikan taklimat kepada pelajar baharu bagi Program Diploma sesi 2018/2019.

Selain mempromosikan perpustakaan, taklimat ini juga memberi pendedahan berkenaan koleksi, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan kepada pelajar. Seramai lebih kurang 611 pelajar telah mendaftar pada 20 Jun 2018 sebagai pelajar Program Diploma UTM.



## SUMBANGAN BUKU KEPADA PERPUSTAKAAN GUNASAMA HAB PENGAJIAN TINGGI PAGOH



Sebanyak 357 naskhah buku terdiri daripada buku motivasi, agama, novel, dan lain-lain telah berjaya dikumpulkan dalam tempoh dua (2) bulan bagi tujuan mempertingkatkan koleksi di Perpustakaan Gunasama Hab Pengajian Tinggi Pagoh (HPTP).

Buku-buku adalah hasil sumbangan individu, Penerbit UTM Press dan Koperasi UTM Berhad. Terima kasih diucapkan kepada semua yang menyumbang dan semoga buku-buku ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengguna untuk meningkatkan pengetahuan.

## TERIMA KASIH KOLEJ MULTIMEDIA DAN PIE CONSULT SDN BHD

Perpustakaan UTM Kuala Lumpur menerima sebanyak 400 judul buku pada 9 April 2018 yang telah disampaikan oleh En. Mohamad Pathan Abd Rashid, wakil Perpustakaan Kolej Multimedia. Sedikit berbeza pada sumbangan buku kali ini di mana buku-buku sumbangan ini telah dipilih sendiri oleh staf Perpustakaan UTM Kuala Lumpur.

Manakala pada 7 Jun 2018, PIE Consult Sdn Bhd Ampang telah menyumbangkan berjumlah tujuh (7) buah kotak buku untuk dimanfaatkan oleh semua pengguna dan sekaligus menambah koleksi buku Perpustakaan UTM Kuala Lumpur yang sedia ada.



## PAMERAN EVOLUSI TEKNOLOGI DI PERPUSTAKAAN UTM



Bahagian Pembangunan Galerium dengan kerjasama Bahagian Perkhidmatan Maklumat & Penyelidikan, Perpustakaan UTM, Johor Bahru telah menganjurkan Pameran Evolusi Teknologi di Perpustakaan UTM mulai 8 April hingga 17 Jun 2018 di Galeri Terbuka dan Ruang Legar, Aras 3, Perpustakaan UTM, Johor Bahru.

la bertujuan untuk mengimbuai kembali teknologi yang pernah digunakan di Perpustakaan dalam melaksanakan tugas harian dan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Antara bahan yang dipamerkan adalah seperti filem projektor yang pernah digunakan oleh staf Perpustakaan bagi tayangan filem bergambar untuk rujukan pengguna dari tahun 1970-an sehingga awal 1990-an.




# LIBRARY WORKSHOP FOR ALL

## WEB OF SCIENCE & HIGH IMPACT JOURNALS

A collaborated workshop for Web of Science and High Impact Journals has been hosted by the Perpustakaan Sultanah Zanariah Johor Bahru and Access Dunia on 17 April 2018.

Dr. See Diu Seng from Access Dunia has spoken about the method of writing effective papers for high impact journals . A total of 20 participants that are mainly UTM staff members and students attended the workshop .



## TURNITIN FOR ACADEMICIANS

In a similar vein, Perpustakaan Sultanah Zanariah Kuala Lumpur together with Access Dunia organised a workshop for Turnitin on 24 April 2018 .Encik Mazlan Latif has facilitated the training which was designed to provide participants with an overview of Turnitin as well as on how to use the plagiarism web-based tool .

UTM Library is continually seeking innovative and proactive ways to assist researchers in their research needs and endeavour .

## HOW TO GET PUBLISHED



*Mico Zhang, IOP Publishing,  
Marketing Executive of Greater China & South East Asia.*

Hence, a talk on how to get published was delivered by IOP Publishing representative , Ms. Mico Zhang at Perpustakaan Sultanah Zanariah Johor Bahru on 26 June 2018 .

Participants were given tips for getting published as well as information on publication process and ethics .

## BENGGEL TATACARA PEROLEHAN BUKU



Pada 16 Mei 2018 telah diadakan Bengkel Tatacara Perolehan Bagi Bekalan Buku dan Bahan Rujukan Perpustakaan UTM. Taklimat ini disampaikan oleh Ketua Bahagian Pembangunan Sumber Perpustakaan UTMJB, Puan Khairulbahiyah Yaakub .

Tujuan utama ialah memberi pendedahan kepada staf Perpustakaan UTMKL berkenaan proses dan prosedur perolehan mengikut tatacara yang digariskan dalam pekeliling terkini Bendahari UTM dan Kementerian Kewangan.

lanya sekaligus berjaya mengenalpasti ruang penambahbaikan serta perkongsian maklumat perolehan di antara Perpustakaan UTMJB dan Perpustakaan UTMKL. ↘

# KNOWLEDGE CULTURE PROGRAMMES

## BICARA KARYA “FROM GOOD TO GREAT”



**DISKUSI : FROM GOOD TO GREAT, APA PERANAN KITA?** adalah berdasarkan daripada Buku Perutusan 2018 oleh YBhg. Datuk Naib Canselor telah diadakan pada 10 April 2018 di Ruang Lestari, Aras 3, Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor Bahru bermula jam 2.30 hingga 4.30 petang.

Prof Madya Dr. Kassim Thukiman telah dijemput sebagai moderator dalam sesi perbincangan ini. Sesi kupasan telah disampaikan oleh Pn Siti Nisrin Mohd Anis, Pn Norhafisah Zakaria dan Pn Siti Zaleha Samad.



## DR ZULKIFLI KHAIR MERIAHKAN FORUM BUKU ‘PINJAMKAN DIA SEBENTAR’

PINJAMKAN DIA SEBENTAR merupakan kompilasi 16 antologi cerpen mengisahkan anak-anak kelainan upaya yang membesar setelah melalui pelbagai komplikasi ketika dilahirkan serta ragam dan kesakitan yang tidak dapat mereka tanggung.

Barisan ahli panel forum adalah Dr. Zulkifli Khair (Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan, UTM Johor Bahru), Pn. Suhaila Samian (Pensyarah, Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang, Johor), En. Ruzimi Mohamed (Mahasiswa PhD., Ikon Pelajar Kelainan Upaya, UTM Johor Bahru), En. Mohd Fuad Mohamed Yusof (moderator) dan wakil daripada Persatuan Rakan Celik PIPI dan Persatuan Orang Pekak Johor.

## SUBCONJUNCTIVAL HEMORRHAGE

Melalui sesi perkongsian maklumat pada 11 April 2018, Puan Shamsuraini Shamsudin telah berkongsi pengalaman yang dihadapinya iaitu *subconjunctival hemorrhage* atau pendarahan dalam mata ketika berada di peringkat sekolah menengah. Beliau juga telah berkongsi terma perubahan dan persediaan awal yang boleh diambil.



## APLIKASI BOOST

Slot K-Sharing bertajuk Aplikasi *Boost* telah diberikan oleh Puan Siti Aznur Mohd. Saleh pada 2 Mei 2018. Beliau menerangkan mengenai manfaat dan keuntungan menggunakan aplikasi ini seperti menerima baucar, promosi serta diskaun daripada Lazada, 11 street, Shopee dan lain-lain.



## DR NOORMINSHAH KONGSI PENGALAMAN “PERANAN PUASA & PEMAKANAN”



Sesi perkongsian ilmu ini telah disampaikan oleh PM Dr. Noorminshah A. Iahad yang telah diadakan pada 21 Mei 2018 (Isnin) di Bilik Seminar 3, Aras 4, Perpustakaan Sultanah Zanariah.

Seramai 87 orang peserta telah menghadiri program ini. Antara kandungan perkongsian maklumat adalah mengenai amalan yang diamalkan sendiri oleh penceramah serta penyelidikan beliau terhadap cara diet yang mudah, efektif dan jimat.



# KHIDMAT KOMUNITI PERTINGKATKAN BAHAN BACAAN DI SKPK PRINCESS ELIZABETH, JOHOR BAHRU

Perpustakaan UTM telah mengadakan program khidmat masyarakat di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Princess Elizabeth, Johor Bahru melibatkan seramai 20 orang staf Perpustakaan UTM. SKPK Princess Elizabeth merupakan sekolah bagi murid kurang upaya penglihatan yang diterajui oleh En. Mohd Dini Karim mempunyai seramai 31 orang guru dan 55 orang murid.

Lawatan tapak telah dijalankan oleh wakil dari Perpustakaan UTM, Pn Noraini Yahya, Sdr. Zainurin Taib dan Sdr. Farhan Yuskelana pada 12 Oktober 2017 (Khamis). Hasil daripada perbincangan, program ini dapat membantu pihak sekolah di dalam menterjemah buku kanak-kanak kepada naskhah penulisan braille menggunakan perisian the DBT.




Manakala pada 11 dan 22 Februari 2018, gerak kerja program telah dimulakan dengan taklimat kepada ahli jawatankuasa. Setiap ahli ditugaskan untuk menyemak setiap helaian mukasurat buku dalam bentuk salinan elektronik yang disediakan oleh Jawatankuasa Induk serta mengemaskini kandungannya dengan merujuk kepada buku yang dibekalkan. Kemuncak program ini adalah penyerahan mock buku sempena Program Membaca 1 Malaysia dan perasmian Pusat Sumber Dato' Mah Hassan pada 11 April 2018 (Ahad) di Dewan Tun Sri Lanang, SKPK Princess Elizabeth yang disempurnakan oleh Timb. Ketua Pustakawan (Perkhidmatan), Pn Zaleha Atan.

## 'ROAD SHOW' BAWA PERPUSTAKAAN KEPADA PENGGUNA

Sasaran utama program *roadshow* adalah untuk menjalin kerjasama yang erat di antara Perpustakaan dan warga akademik UTM dengan menjalankan aktiviti perbincangan dan perundingan ke fakulti serta lokasi strategik yang lain di sekitar kampus.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah perundingan mengenai pangkalan data atas talian seperti *Web of Science* dan *Scopus*, jurnal berimpak tinggi, perkhidmatan perpustakaan seperti peminjaman, pemulangan buku dan denda, permohonan kelas kemahiran seperti metodologi penyelidikan, endnote dan turnitin serta cadangan pembelian dan sumbangan buku.

	Tarikh	Tempat
PUTM JB	17 April 2018	Fakulti Tamadun Islam
PUTM KL	03 Mei 2018	Menara Razak
Perpustakaan Raja Zarith Sofiah	25 April 2018	Lobi FBME, V01



FBME, V01



MENARA RAZAK



FTI



Lawatan Universiti Sains Malaysia  
5 April 2018



Lawatan Delegasi Kementerian Pengajian  
Tinggi Afganistan  
10 April 2018

# LAWATAN AKADEMIK PERLUAS JARINGAN KERJASAMA



SMK Mengkibol Kluang  
12 April 2018



Program UTM Trail  
12 April 2018



Lawatan Dari Sekolah Tinggi Ilmu Komputer  
(STIKOM), Jambi  
2 Mei 2018



SK Kangkar Pulai  
6 Mei 2018

## LATIHAN UNTUK *FIRST AIDERS* DAN BANTUAN KECEMASAN



Fasilitator jemputan bagi latihan *First Aiders* dan Bantuan Kecemasan ini ialah Encik Amiruldin bin Abdul Aziz dari Pusat Kesihatan UTM JB dengan jumlah peserta seramai 38 orang termasuk kumpulan pengurusan & profesional dan pelaksana.

Latihan telah dijalankan pada 17 April 2018 (Selasa) bermula jam 10.00 pagi hingga 12.30 tengahari di Bilik Seminar 3, Aras 4, Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) UTM Johor Bahru.



## AUDIT AKKP PERPUSTAKAAN UTM KL



Kunjungan kali kedua panel audit daripada UTM Johor Bahru yang diketuai oleh Prof Maketab Mohamed pada 4 April 2018 ke UTM Kuala Lumpur bagi mengadakan Audit Anugerah Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) kepada para finalis di UTM KL. Antara finalis lain adalah beberapa fakulti, makmal dan pejabat-pejabat di UTM KL.

Bagi sesi ini, beberapa teguran juga telah diberi secara lisan dan para AJK KKP (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) PUTMKL telah mendapat ilmu baru berkaitan KKP yang boleh diaplikasikan di pejabat.

## PERJUMPAAN AHLI FRIENDS OF LIBRARY (FoLy) BERSAMA KETUA PUSTAKAWAN



Perjumpaan antara ahli Friends of UTM Library (FoLy) bersama Ketua Pustakawan Perpustakaan UTM telah diadakan pada 22 April 2018 (Ahad) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, Perpustakaan UTM Johor Bahru.

Perjumpaan ini turut dihadiri oleh Ketua Bahagian dan Pustakawan yang lain. Tujuan utama perjumpaan ini diadakan adalah untuk memperkenalkan ahli baru bersama Ketua Pustakawan.

Seterusnya membincangkan perkara yang berkaitan aktiviti kerjasama antara FoLy dan Perpustakaan serta isu lain melibatkan pelajar dan Perpustakaan

Sebagai tanda sokongan kepada ahli FoLy, satu bilik khas telah diperuntukkan kepada ahli FoLy di PSZJB bagi memudahkan aktiviti yang akan dijalankan.

## 'PUZZLE ME NOT' LIBRARY ENGLISH SESSION

UTM Library staff was given the treat and opportunity to engage in a one hour of fun, inspiring, casual, and educative Library English Session on 11 April 2018 at PSZJB.

During the session, participants were divided into smaller groups and engaged in a cross word puzzle game. Exciting prizes were given out to the winning teams. Continuing Professional Development point was also rewarded to all participants.

By the end of the session, participants are able to improve their listening skill, engage in teamwork, improve their pronunciation, and build up their vocabulary.

